

Dr M enggan campur tangan

BH 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR: "Saya tak fikir mereka memerlukan campur tangan saya. Mereka boleh menyelesaikannya sendiri. Mereka sudah matang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai isu kepemimpinan MCA sekarang.

Perdana Menteri enggan campur tangan dalam menangani perselisihan faham di antara Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dengan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Menurut Perdana Menteri, isu kepemimpinan parti komponen utama Barisan Nasional (BN) itu lebih berbentuk masalah dalaman kedua-dua pemimpin kanan berkenaan.

"Mereka boleh menyelesaikannya," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-47 di Wisma MCA, di sini semalam.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, ditanya sama ada beliau bimbang dengan perselisihan faham di antara Dr Ling dengan

Lim sejak beberapa bulan lalu. Hadir sama pada sidang akhbar berkenaan ialah Dr Ling dan Lim.

Semalam, Lim memberitahu pemberita selepas perasmian mesyuarat Pemuda MCA, beliau masih menunggu isyarat daripada Dr Ling untuk membincangkan masalah itu.

Lim juga bersedia untuk berbincang mengenai pada bila-bila masa, tetapi sehingga kini Dr Ling tidak memberikan sebarang petunjuk untuk mengadakan perbincangan rasmi bagi menyelesaikan perselisihan itu.

Kenyataan Timbalan Presiden MCA itu menandakan pengakuan terbuka pertama pemimpin berkenaan mengenai kewujudan masalah di antara beliau dengan Dr Ling, sehingga membawa kepada tindakan Presiden MCA itu meletakkan jawatannya dalam Kabinet, yang akhirnya ditarik balik.

Pada sidang akhbar berkenaan, Perdana Menteri turut ditanya mengenai

agenda utamanya pada Sidang Puncak ke-10 Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) yang dijadual bermula Isnin ini di Kaherah, Mesir.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia akan mencadangkan negara membangun bekerjasama ke arah menghadapi tindakan negara maju mengeksploitasi negara miskin di dunia.

Beliau menegaskan, apa yang jelas ketika ini ialah negara maju 'berganding bahu' dalam mengambil kesempatan terhadap negara membangun.

"Ini boleh dilihat dalam dasar yang dirangka sejak kebelakangan ini, yang bertumpu ke arah mengeksploitasi negara membangun," katanya.

G-15 yang ditubuhkan pada 1989 hasil sidang kemuncak Pertubuhan Berkecuali di Belgrade, dianggotai Malaysia, Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Amerika Latin.